

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2013/11/10/kpm-rekod-kontraktor-cemerlang/>



KPM rekod kontraktor cemerlang

Doris Apai

| November 10, 2013

Syarikat yang berprestasi cemerlang berpeluang untuk mengambil alih mana-mana projek 'sakit' (gagal disiapkan mengikut jadual) di bawah KPM.



SANTUBONG: Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menyenarai nama syarikat kontraktor yang berjaya melaksanakan projek mengikut jadual dalam buku rekod prestasi kementerian berkenaan.

Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) KPM, Datuk Abdul Shukor Ibrahim berkata, mana-mana syarikat kontraktor yang direkodkan itu, berkemungkinan berpeluang untuk mendapat projek KPM yang lain.

“Syarikat yang berprestasi cemerlang berpeluang untuk mengambil alih mana-mana projek ‘sakit’ (gagal disiapkan mengikut jadual) di bawah KPM.

Justeru, KPM menyarankan mana-mana syarikat kontraktor yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek di bawah kelulusan kementerian ini supaya terus mengekal dan

menunjukkan prestasi cemerlang sebagai jaminan mendapat projek pada masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penyerahan Institut Aminuddin Baki (IAB) cawangan Sarawak dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Batu Lintang di Dewan Utama IAB Cawangan Sarawak, di sini hari ini. Turut hadir, Pengarah Jabatan Pelajaran Sarawak, Datuk Abdillah Adam, Pengarah Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak, Datu Dr. Adi Badiozaman Tuah dan Penyelaras IAB Cawangan Sarawak, Dr. Shahri Abd Rahman.

Mengambil contoh projek pembinaan IAB cawangan Sarawak dan IPG Batu Lintang, kata Shukor, syarikat yang dipertanggungjawab untuk mengendalikan projek tersebut, berjaya menyiapkan kedua-dua projek itu dalam tempoh yang ditetapkan.

“Tahniah dan syabas kepada semua kontraktor dan perunding yang terlibat. Dengan siapnya kedua-dua projek ini, saya yakin dapat membantu IAB cawangan Sarawak dan IPG Batu Lintang menjadi pemangkin dan entiti dalam memajukan pendidikan negara,” ujarnya.

Beliau melahirkan harapan agar fungsi IAB Cawangan Sarawak untuk menjadi sebuah institusi latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi membangunkan keupayaan warga pendidik dalam semua peringkat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

‘Cabaran global’

“Manakala, IPG Batu Lintang dapat berfungsi sebagai pusat latihan yang mampu menghasilkan para pendidik yang berkualiti bagi menghadapi cabaran global,” ujarnya.

Bagaimanapun, Shukor menasihatkan syarikat kontraktor terbabit supaya mengambil tindakan segera sekiranya terdapat sebarang laporan kerosakan daripada pengguna.

“Malah pengguna seperti pihak IAB cawangan Sarawak dan IPG Batu Lintang perlu peka dan prihatin terhadap sebarang kecacatan yang berlaku walaupun kecil ketika menggunakan kemudahan dalam insitut terbabit.

“Justeru, kedua-dua pihak ini disaran untuk menggunakan tempoh liabiliti kecacatan dengan sebaik mungkin agar kerajaan tidak menangung kos penyelenggaraan yang tinggi pada kemudian hari,” katanya.

Pembinaan IAB Sarawak yang menelan kos kira-kira RM140 juta kini siap sepenuhnya dan dijangka memulakan operasi pada tahun hadapan.

Dengan keluasan 108 ekar, IAB cawangan Sarawak itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk bangunan pentadbiran, dewan, auditorium , dewan kuliah dan kompleks sukan.